

MEMUGAR MAKLUMAT TEKS KATA *HALAL* DARI PERSPEKTIF *NATURALLY OCCURRING* *DATA (NOD)*

[*Re-Examining Textual Information of the Word Halal from the
Perspective of Naturally Occurring Data (NOD)*]

Hishamudin Isam
din@uum.edu.my

Mashetoh Abd Mutalib
mashetoh@uum.edu.my

Rohaya Md. Ali
aya@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa,
Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Jun 2018

Sila rujuk: Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib & Rohaya Md. Ali, (2018). Memugar maklumat teks kata *halal* daripada *naturally occurring data (NOD)*. *Jurnal Bahasa* 18(1), 19-45.

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneliti semula pendeskripsian makna kata *halal* yang terdapat dalam *Kamus Dewan* (2016). Kata yang berasal daripada kalimah Arab *halla*, *yahillu*, *hillan*, *wahalalan*, telah dideskripsikan dengan empat makna dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, maklumat yang terkandung dalam pendeskripsian makna yang dibuat adalah terhad dan boleh menimbulkan unsur taksa. Kajian bersandarkan “data semula jadi” yang digagaskan dalam analisis “linguistik dalam dunia sebenar” ini secara spesifik membincangkan maklumat teks bagi kata *halal* untuk makna 2. *berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperolehi, diperbuat)*. Sebanyak 31 349 kata *halal* yang diselusuri daripada pangkalan data DBP, DBP-UKM dan *WebCorp* telah dianalisis dengan menggunakan teori prosodi semantik. Teori yang

menekankan unsur *consistent aura* ini berjaya menyerlahkan maklumat teks bagi makna 2. *berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat*, makna sumber yang boleh dikategorikan kepada empat submakna, iaitu bahan, aktiviti, rezeki dan hak/pemilikan. Penyerlahan maklumat teks ini membuktikan bahawa analisis bahasa berasaskan data semula jadi mampu menawarkan penjelasan makna bagi sesuatu kata yang mengalami masalah ketaksaan, sehingga makna kata tersebut dapat difahami dengan lebih jelas.

Kata kunci: data semula jadi, linguistik dalam dunia sebenar, halal, makna, *webcorp*

Abstract

This study aims to re-examine the description of the meaning of the word halal in Kamus Dewan (2016). The loanword, which originates from the Arabic halla, yahillu, hillan, wahalalan, is denoted with four descriptions in the Malay language dictionary. These descriptions, however, depict limited information when compared to the original word, which in turn may cause ambiguity. This study, which puts forth a real-world linguistic analysis based on the naturally occurring data (NOD) specifically discusses the textual information of the second meaning of the word halal in the dictionary, which defines it as “yang diperdapat, diperoleh, diperbuat”. A total of 31,349 occurrences of the word halal, which were extrapolated from the DBP, DBP-UKM and WebCorp database, were analysed based on the semantic prosody theory. The theory, which stresses on the element of consistent aura, managed to further elaborate the textual information of the source definition (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat) into four sub-definitions, which concern material, activities, sustenance and possession. This elaboration demonstrates that the NOD-based analysis is able to facilitate the comprehension of ambiguous words so that an inclusive understanding of the meaning can be achieved.

Keywords: naturally occurring data, real-world linguistics, halal, meaning, WebCorp

PENGENALAN

Analisis bahasa berasaskan “linguistik dalam dunia sebenar” (*real world linguistic*) merupakan suatu kaedah memerhati fenomena kepenggunaan bahasa yang digembleng sebagai suatu proses atau praktis sosial oleh sesebuah masyarakat. Fenomena kepenggunaan ini diwakili oleh pemilihan

kata yang digunakan oleh seseorang penutur yang mewakili masyarakat berbahasa. Menariknya, setiap kata yang menunjangi sesuatu bahasa pastinya didasari oleh makna dan nilai yang dapat menyerlahkan ekspresi budaya sesuatu bangsa. Hal ini berkait rapat dengan prinsip bahasa itu sendiri yang berasaskan ilmu falsafah yang menjadi sari pati bagi setiap bidang pengetahuan manusia (Hashim, 2006). Melalui penaakulan terhadap ilmu falsafah, bahasa yang dianggap sebagai lambang manifestasi akan dapat dikemukakan berdasarkan struktur umum pengetahuan konsepsi manusia, dan dapat juga ditentukan kaedah intelektual dan empirikal yang boleh digunakan untuk membentuk konsepsi atau prinsip yang membawa pemahaman dan pengetahuan yang lebih menyeluruh tentang budaya sesuatu bangsa. Hal ini bermakna, falsafah, bahasa dan budaya sesuatu bangsa sangat berkait rapat.

Menyangkut isu ini, maka dapat dikatakan bahawa, proses pendeskripsian makna sesuatu kata yang dipinjam daripada suatu bahasa yang lain, bukanlah suatu proses yang mudah kerana banyak hal yang perlu diperhitungkan. Isu silang budaya misalnya, sering menjadi punca sesuatu kata sukar diterjemahkan secara tepat dalam bahasa sasaran. Tidak semua kata pinjaman menemukan prinsip padanan satu lawan satu semasa proses peminjaman kata (Cronin, 1998; Jakobson, 2004; Ali Akhbar, & Rokiah, 2009; & Idris, 2015) yang disebabkan oleh faktor latar belakang budaya yang berbeza. Oleh hal yang demikian, terdapat kata pinjaman dalam bahasa sasaran yang mengalami masalah pendeskripsian makna semasa proses mendokumentasikan makna kata pinjaman tersebut. Sebagai contoh, warna *apple green* dalam budaya Inggeris tidak dapat diterjemahkan secara langsung dalam bahasa Melayu sebagai hijau epal kerana isu budaya yang berbeza (Ainon, & Abdullah, 2008). Maka perlu dicari padanan paling tepat untuk menggambarkan sifat dan keadaan warna tersebut yang boleh menyerlahkan budaya Melayu dan padanan yang dianggap serupa dengan sifat dan keadaan warna *apple green* dalam budaya Melayu ialah *hijau pucuk pisang*.

KONSEP *HALAL* DAN PENDESKRIPSIAN MAKNANYA

Terdapat fenomena menarik yang boleh dikaji berhubung dengan pendeskripsian makna kata *halal* dalam kamus dan tesaurus Melayu, berbanding makna asalnya daripada bahasa Arab. Dari sudut bahasa, *halal* berasal daripada kalimah Arab *halla*, *yahillu*, *hillan*, *wahalalan* yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syarak. Dari sudut istilah syarak pula, *halal* ialah sesuatu yang diharuskan, yang terungkuai padanya ikatan larangan, dan diizinkan oleh syarak untuk melakukannya

(Wizarah al-Awqaf, 1990; Abdul Aziz, 1997; Halim Ahmad, 2001; Yusuf Qardawi, 2002; Muchtar Ali, 2016).

Sementara itu, kata ini telah dideskripsikan dalam *Kamus Dewan* (2016) dengan empat makna halal yang dijelaskan sebagai 1. *hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (dalam Islam)*, 2. *berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat) dengan jalan yang sah*, 3. *berbentuk arkaik (ampun, maaf, merelakan)*, 4. *berbentuk arkaik (izin)* (p. 502). Padanan makna yang hampir sama juga berlaku untuk entri *halal* dalam *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan* (2015, p. 286) yang menyenaraikan makna *halal* sebagai *dibenarkan, diizinkan, dibolehkan, diperkenankan*. Pendeskripsian makna kata *halal* daripada bahasa Arab (bahasa sumber) kepada bahasa Melayu (bahasa sasaran) tentulah bukan sesuatu yang mudah kerana latar belakang budaya kedua-dua bahasa ini berbeza.

Dari satu sisi, pendeskripsian makna dalam bahasa Melayu yang didokumenkan dalam *Kamus Dewan* dan *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan* dianggap sudah memadai untuk menjelaskan konsep dan makna *halal* yang dipinjam daripada bahasa sumber (bahasa Arab). Namun dari satu sisi yang lain, boleh juga dianggap, pendeskripsian makna yang ditampilkan mengandungi maklumat yang terhad, walaupun telah disertakan dengan contoh frasa atau ayat yang boleh digunakan untuk menerangkan cara penggunaan kata (dan makna kata) tersebut.

Sebagai contoh, pendeskripsian makna kedua *halal* dalam *Kamus Dewan* (2016) ialah 2. *berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat) dengan jalan yang sah*. Makna ini diiringkan sekali dengan dua (2) contoh penggunaan kata tersebut dalam bentuk frasa, iaitu *anak halal* dan *wang halal* (hlm. 502). Maklumat ini dianggap terhad kerana makna *diperdapat, diperoleh, dan diperbuat dengan jalan yang sah* tidak dijelaskan dengan maklumat tambahan berkenaan “sesuatu” yang menerangkannya. Walaupun telah diberikan dua contoh penggunaan yang boleh dirujuk sebagai “sesuatu yang boleh *diperdapat, diperoleh* atau *diperbuat dengan jalan yang sah*”, iaitu *anak* dan *wang*, namun contoh tersebut hanyalah contoh produk akhir (hasil) dan bukannya “ciri” yang dapat menjelaskan produk akhir (hasil). Pendeskripsian makna akan lebih mantap sekiranya “ciri-ciri yang dapat menjelaskan produk akhir (hasil) bagi sesuatu yang boleh *diperdapat, diperoleh* atau *diperbuat dengan jalan yang sah*” berjaya ditampilkan sebagai maklumat tambahan.

Sehubungan itu, satu kewajaran agar makna *halal* dalam *Kamus Dewan* dapat diperhalus semula, dengan memasukkan maklumat tambahan kepada

makna sedia ada untuk memantapkan pendeskripsian makna kata tersebut. Sebelum kerja-kerja menguruskan maklumat baharu berkenaan kata *halal* dijalankan, perlu diselusuri kajian yang pernah dijalankan berkaitan isu halal, untuk dikenal pasti penyelidikan yang pernah dijalankan khusus dalam perbincangan konsep halal.

SELUSURAN KAJIAN BERKAITAN ISU HALAL

Dalam Islam, matlamat utama pensyariatan hukum-hakam adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Keadaan ini bermaksud, mencari sesuatu yang halal sebagai sumber rezeki dan digunakan dalam kehidupan seharian merupakan suatu kewajipan atas setiap Muslim. Mengambil yang halal itu dapat menambah cahaya iman dan memakbulkan doa dan diterima amal ibadah. Memakan yang haram pula boleh menghalang doa dan ibadat daripada diterima oleh Allah SWT (Wan Mohammad, 2010). Oleh hal yang demikian, demi memenuhi tuntutan mencari yang halal, kajian yang secara serius membincangkan isu halal memang telah banyak dijalankan.

Walau bagaimanapun, sesuai dengan keperluan mendesak untuk membincangkan isu halal dari perspektif Islam dan keperluannya kepada masyarakat Islam serantau, maka kebanyakan kajian tersebut membicarakan isu halal dari aspek sosial, ekonomi dan perundangan. Antara fokus utama perbincangan termasuklah kepentingan produk halal, khususnya produk makanan kepada masyarakat Islam. Perbincangan ini ditemalikan dengan isu ekonomi dan perundangan yang melibatkan hal berkaitan pemasaran dan undang-undang produk halal (Siti Norlina, Zamzarina, Maznah, Zulkifli, Mohd Nasir, Kamarul Azmi, & Ahmad Kilani, 2005; Zainalabidin, Reza, Golnaz, Mad Nasir, & Chiew, 2008; Asmak, 2009; Wan Melissa & Khairil Wahidin, 2009; Abdul Basit & Sahilah, 2010; Mohd Yusrin, 2010; Golnaz, Zainalabidin, Mad Nasir, Chiew, 2010; Salma, 2011; Nur Haslizatul Liza, 2011; Tieman, 2013; Alina & Siti Mashitoh, 2014; Anis Najiha & Wan Nadiyah, 2014; Sai, 2014; Mohani, 2014; Aiedah, & Sharifah Hayaati, 2015; Md Hamzaimi Azrol, Nasrul Hisyam & Mohd Azman, 2015; Musfirah Syahida, Saadan & Mohd Anuar, 2015; Mohd Mahyeddin, Nurdeng Deuraseh, Shuhaimi, Suhaimi, & Irwan, 2015; Mohd. Daud, & Norsazali 2015; Nur Riza, 2015; Shafiq, Haque & Omar, 2015; Rosninawati, 2016; Sahilah, Laila Liyana, Aravindran, Aminah, & Mohd Khan, 2016; Azizan, Mazlin, Tuan Sidek, & Badhrulhisham, 2016; Shaizatulaqma & Khairul Anuar, 2016; Rohman, Arsanti, Erwanto, & Pranoto, 2016).

Walaupun isu perbincangan utamanya berkaitan dengan isu sosial, ekonomi dan perundangan, namun, pada peringkat permulaan kajian, kebanyakan pengkaji turut mengupas isu berkaitan konsep halal. Kupasan yang dibuat hanyalah membincangkan konsep dan makna *halal* pada pandangan para sarjana Islam, atau menyertakan makna halal daripada kamus, seperti *Kamus Dewan*. Kajian oleh Zawanah, Munir, dan Abdul Muhaimin (2008) misalnya, telah menjelaskan kepentingan halal berdasarkan pensyariatian hukum Islam. Mereka mengupas isu konsep halal yang seharusnya merangkumi soal halal dan haram melibatkan keperluan masyarakat yang mencakupi seluruh aspek kehidupan. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Abdul Raufu dan Ahmad Naqiyuddin (2013), Kasmarini, Norliya, Siti Khairiyah, dan Siti Zahrah (2015), serta Nuraqilah (2017) yang turut mengupas konsep halal sebagai konsep yang luas. Isu halal merangkumi keperluan hidup manusiawi yang bukan hanya terhad dan terbatas pada soal makanan dan minuman, tetapi lebih kepada cara hidup yang sempurna dari aspek sosial, ekonomi, dan perundangan.

Hasil selusuran terhadap kajian lepas telah membuktikan bahawa, penjelasan konsep halal secara umumnya sudah semakin berkembang dan meluas. Namun begitu, sehingga makalah ini ditulis, belum ada lagi kajian yang membincangkan makna atau konsep halal yang dibahaskan dari perspektif linguistik. Maka, seiring dengan perkembangan tersebut, pendeskripsian makna *halal* yang didokumentasikan dalam *Kamus Dewan* perlu diperhalus semula, khususnya dengan menyerlahkan maklumat tambahan yang berguna bagi mencambahkan lagi informasi terhadap kata tersebut. Untuk melunasi hasrat ini, seharusnya pendeskripsian makna *halal* perlu disemak dari sudut penggunaan kata halal itu sendiri, yang secara khususnya boleh diselidik berpandukan pendekatan linguistik.

PENDEKATAN LINGUISTIK KORPUS DAN DATA SEMULA JADI [NATURALLY OCCURRING DATA (NOD)]

Satu daripada kegiatan untuk menyerlahkan manifestasi sesuatu bahasa adalah dengan membincangkan ekspresi budaya sesuatu kata yang sering digunakan oleh masyarakat ketika menggunakan kata tersebut semasa berbahasa. Penjelasan berhubung hal ini adalah dengan berdasarkan hujah bahawa terdapatnya perkaitan yang erat antara makna, nilai, budaya, dan konsep *embodiment* (badaniah) dalam penggunaan satu-satu kata. Menurut Ibarretxe-Antunano (2008) hubungan yang erat antara keempat-empat komponen tersebut (makna, nilai, budaya dan konsep badaniah) dikatakan

dapat membantu menyerlahkan motivasi konseptual (*conceptual motivation*) sesuatu kata, sehingga akhirnya dapat menjelaskan manifestasi kata tersebut. Penjelasan yang tepat berkenaan manifestasi sesuatu kata pula akhirnya dapat membantu memahami budaya berbahasa sesebuah masyarakat.

Berteraskan prinsip tersebut, linguistik korpus hadir untuk menawarkan suatu pendekatan yang dapat membantu menjelaskan maklumat sesuatu kata secara saintifik dan empirikal. Umumnya pendekatan linguistik korpus ialah suatu kaedah penganalisan linguistik yang menggunakan data daripada bahan bahasa yang terkumpul dalam suatu sumber yang disebut korpus atau korpora (bank bahasa) (Baker, 2009; Leech, 2011; Goddard, 2014; Kubler, & Zinsmeister, 2015). Bahan-bahan ini berasal daripada penggunaan bahasa dalam pelbagai genre, dan ragam, berupa bahan lisan mahupun tulisan yang dapat dianggap menggambarkan fenomena sebenar penggunaan bahasa oleh pengguna bahasanya.

Kaedah ini dikatakan bersifat saintifik dan empirikal kerana berasaskan tiga aspek penting, iaitu penyelidikan himpunan data yang banyak, sampel teks sistematik yang mempunyai kesahan (*face-validity*) sebagai representasi sesuatu bahasa, serta mudah dicapai, dijana dan hasil kajian dapat diakui kredibilitinya (Kennedy, 1998). Melalui kepakaran dan kecanggihan ilmu perkomputeran, data linguistik bersaiz besar mampu dijana dengan lebih cepat, dan cara pengelolaan data tersebut juga lebih selamat, terjamin dan meyakinkan (dari segi kaedah memperoleh dan menganalisis data). Ahli linguistik seperti Harris dan Hill yang dipengaruhi aliran saintifik positivisme dan behaviourisme melihat korpus sebagai sumber data linguistik utama bagi sesuatu fenomena bahasa (Leech, 1997). Mereka mentakrifkan korpus sebagai data semula jadi sesuatu bahasa (*naturally occurring data of a language*) dalam himpunan yang banyak, diperlukan dan memadai untuk tujuan kajian dan penyelidikan bahasa (Lazaraton, 2002; O'keeffe, Clancy, & Adolphs, 2011; Clark, 2013; Zhang, 2015; Sian Preece, 2016). Berdasarkan kelebihan yang dinyatakan dalam kaedah ini, maka diyakini kaedah ini mampu membantu menampilkan maklumat tambahan yang diperlukan untuk memugar maklumat teks kata *halal*. Pengkaedahan linguistik korpus telah melahirkan beberapa pendekatan yang boleh digunakan untuk meneliti aspek kebahasaan dengan lebih telus. Satu daripada contoh pendekatan yang sering digunakan dalam pengkaedahan linguistik korpus ialah prosodi semantik.

PENDEKATAN PROSODI SEMANTIK DAN MAKLUMAT TEKS

Pendekatan prosodi semantik ialah pendekatan yang secara khusus digunakan untuk meneliti fenomena kepenggunaan sesuatu kata berpaksikan pengkaedahan linguistik korpus. Menurut Sinclair (1996), fenomena kepenggunaan dalam pendekatan prosodi semantik ialah proses melihat ekspresi sesuatu kata yang dinilai berdasarkan keberadaan (bergabung, berdekatan, atau berkolokasi) dengan kata-kata lain. Sementara itu, Louw (1993) pula telah menentengahkan konsep aura konsisten (*consistent aura*), iaitu konsep yang membolehkan penilaian terhadap sesuatu kata dibuat dengan menggunakan analisis prosodi semantik. Antara contoh yang dimaksudkan ialah penilaian berkenaan maklumat teks yang dapat diserlahkan hasil analisis perilaku sintaksis atau penelitian pola ayat. Penilaian ini hanya boleh dibuat dengan meneliti contoh kata yang berkolokasi dengan kata lain dalam jumlah bilangan yang banyak. Keadaan ini menunjukkan, tanpa kita sedari, setiap satu kata yang kita gunakan dapat dikenal pasti penilaiannya berdasarkan keadaan bergabung, berdekatan dan berkolokasi antara satu leksis dengan leksis lain (Nygaard, Herold, Namy, 2008).

Fenomena kepenggunaan kata sama ada dari segi nilai, fungsi ataupun keadaan kata tersebut yang dicerminkan melalui analisis prosodi semantik dipercayai berasaskan sifat prosodi sesuatu kata yang mempunyai unsur lekapan dan pemindahan makna. Stewart (2010) menjelaskan maksud lekapan makna atau *attached meaning* sebagai keadaan sesuatu kata yang memperoleh makna (dan nilai) hasil daripada makna kata-kata lain yang bergabung, berdekatan atau berkolokasi dengan kata tersebut. Sebagai contoh, kata *sit through* (menunggu sehingga tamat) yang dianalisis oleh Hunston (2002) cenderung ke arah makna dan nilai yang negatif kerana kata tersebut sering digunakan bersama-sama dengan kata lain untuk merujuk keadaan masa yang panjang dan membosankan. Oleh sebab itu, secara alamiahnya (*natural*), makna dan nilai yang negatif seperti *boredom* (kebosanan) telah melekap kepada makna *sit through*. Sesuatu yang bersifat melekap, melibatkan proses perpindahan daripada suatu lokasi kepada suatu lokasi yang lain. Dalam pendekatan prosodi semantik, proses lekapan sesuatu kata telah menyebabkan wujudnya unsur pemindahan makna. Keadaan ini pula dijelaskan oleh Stewart (2010) sebagai *transferred meaning*. Dalam perbincangan tentang hal ini, beliau mengatakan, “*the assumption that meanings are ‘attached, taken on, or acquired’ would suggest that they have arrived from elsewhere, and there is no doubt that the idea of semantic*

transfer is crucial to a great many descriptions of semantic prosody” (p. 42). Kedua-dua unsur inilah (lekapan makna dan pemindahan makna) yang menjadi kekuatan pendekatan prosodi semantik sebagai pendekatan yang dapat menyerlahkan konsep aura konsisten (*consistent aura*). Pendekatan ini pada akhirnya dipercayai mampu untuk menjelaskan maklumat teks dan seterusnya menggambarkan manifestasi kata *halal* dengan lebih jelas, terarah dan tersusun.

STATISTIK DATA HALAL

Sifat korpus sebagai bahan yang “terbacakan dan terolahkan komputer” (Dewan Bahasa dan Pustaka 2009) sangat-sangat membantu dalam usaha menganalisis kata dalam sesuatu bahasa. Berdasarkan premis tersebut, kajian ini dijalankan dengan menelusuri penggunaan kata *halal* daripada tiga data utama, iaitu data korpus yang berpangkalan di Dewan Bahasa dan Pustaka (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP, 2012), data korpus UKM-DBP dan data korpus webcorp (data korpus dalam talian google). Yang berikut dipaparkan Jadual 1 yang dapat menggambarkan statistik ketiga-tiga pangkalan yang akan dijadikan sumber pencarian data kajian.

Jadual 1 Leksis, bilangan kekerapan dan bilangan keberlakuan.

| Data | Bilangan Kekerapan (frequency) | Bilangan Keberlakuan (tokens) |
|--------------|---|--|
| Data DBP | 8091 | 91 425 |
| Data DBP-UKM | 1355 | 18 740 |
| Data webcorp | 21 903 | 205 006 |
| Jumlah | 31 349 | 315 171 |

Jadual 1 di atas memaparkan sejumlah 31 349 penggunaan kata [halal] daripada jumlah keseluruhan 315 171 bilangan keberlakuan keseluruhan kata. Daripada jumlah tersebut, kata [halal] daripada data webcorp mendahului dengan jumlah bilangan kekerapan sebanyak 21 903 (69.8%), diikuti oleh kata [halal] daripada data DBP sebanyak 8091 (25.8%) dan kata [halal] daripada data DBP-UKM sebanyak 1355 (4.3%). Statistik yang dipaparkan ini diyakini dapat membantu menyerlahkan maklumat teks bagi kata [halal] yang mendukung makna *2. berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat) dengan jalan yang sah*.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bertitik tolak daripada makna kedua halai, 2. *berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat) dengan jalan yang sah*, yang dianggap terhad, dan boleh menimbulkan unsur taksa, maka analisis dimulakan dengan memahami makna kedua tersebut terlebih dahulu. Proses pemahaman ketiga-tiga kata ini dapat dipermudah dengan meneliti perilaku sintaksis kata *diperdapat*, *diperoleh* dan *diperbuat* dalam ayat, dengan menyelidik pola penggunaan ketiga-tiga kata tersebut menerusi bahasa semula jadi yang telahpun tersedia dalam pangkalan data korpus DBP.

Hasil selisikan mendapati bahawa kata *diperdapat*, *diperoleh* dan *diperbuat* sering berkolokasi secara hampir dengan kata *daripada*. Yang berikut disertakan sembilan (9) contoh penggunaan kata *diperdapat*, *diperoleh* dan *diperbuat* yang diselidik daripada pangkalan data DBP.

1. Maksudnya: Sesungguhnya daripada barang yang **diperdapat** oleh manusia **daripada** perkataan nabi-nabi yang dahulu, apabila engkau tiada malu, maka buat olehmu apa yang engkau sukai. (DBP/10/ 118123#0)
2. Kemajuan2 telah **di-perdapat** oleh pasokan2 Jeneral MacArthur **daripada** siasat lompatan-nya dari pulau ka-pulau. (DBP/7/ 149464#0)
3. Pendek kata, keutamaan itu **di-perdapat** oleh mereka **daripada** berjuang, dengan mendidek dan belajar, tumbuh di-hati yang suchi dan menimbang, bukan dengan sa-mata-mata di-ajan2, atau kerana mendengar pidato2 sahaja... (DBP/6/ 157037#0)
4. Keputusan yang **diperoleh daripada** wilayah yang masih belum memperoleh keputusan bagaimanapun tidak akan mengubah keputusan pilihan raya 6 Januari lalu yang menunjukkan Parti Thai Rak Thai memenangi majoriti 257 kerusi daripada 500 kerusi ahli parlimen. (DBP/2/ 109461#0)
5. Dengan keizinan yang **diperoleh daripada** Mahkamah Tinggi, Daerah Durham, Carolina Utara, rakaman audio tape lebih daripada 100 jam telah dilakukan dalam musim panas, tahun 1974. (DBP/13/ 98086#0)


6. Warna merah **diperoleh daripada** bunga kesumba, sementara warna putih diperoleh daripada tepung beras yang dijadikan tepung penawar. (DBP/30/ 116895#2)
7. Wanita-wanita India dari keturunan bangsawan juga menghiasi hidung mereka dengan kerabu ataupun cincin hidung **diperbuat daripada** emas yang bertatahkan berlian. (DBP/6/ 97608#3)
8. Menyingkap sejarah pembukaan madrasah tersebut, Abdullah Kamil, menyatakan semasa mula dibuka oleh ayahnya Haji Ahmad Mat Amin 40 tahun lalu, bangunan bilik darjah serta beberapa buah rumah kediaman pelajar, **diperbuat daripada** buluh serta beratapkan daun nipah. (DBP/47/ 101910#0)
9. Kali ini kedua pengantin moden di mana pengantin perempuan memakai gaun putih **diperbuat daripada** kain lace yang bercorak indah dan dipadankan dengan hiasan kepala dari kain net yang mempunyai hiasan bunga-bunga halus di atasnya sementara pengantin lelaki memakai sut berwarna hitam. (DBP/75/ 97613#0)

Kesemua contoh ini jelas menunjukkan bahawa kata *diperdapat*, *diperoleh* dan *diperbuat* sering berkolokasi secara hampir dengan kata *daripada* yang membawa penjelasan “*menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda*”, bersamaan dengan maksud “*dengan jalan yang sah*” seperti yang dinyatakan dalam *Kamus Dewan* (2016). Hal ini bersamaan dengan fungsi kata sendi nama *daripada* seperti yang terdapat dalam *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, Farid, Hashim, & Abdul Hamid, 2014) dan *Nahu Melayu Mutakhir* (Asmah, 2015) yang berfungsi untuk menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda.

Walaupun jika diamati, makna perkataan *daripada* dalam konteks *diperdapat*, *diperbuat* dan *diperoleh* memberikan implikasi yang berbeza pada aras semantikanya kerana kedudukan kata *daripada* dalam kolokasi *diperdapat* serta *diperoleh* dan *diperbuat* adalah berbeza, namun perbezaan tersebut tidaklah merencatkan fungsi asal kata *daripada* seperti yang dinyatakan dalam *Tatabahasa Dewan*. Sebagai contoh, kolokasi *diperdapat* yang harus diikuti oleh objek dan diikuti kata sendi *daripada* akan membawa maksud *cara*, manakala kolokasi *diperoleh* dan *diperbuat* akan diikuti terus dengan kata sendi *daripada* untuk membawa maksud *punca* (*diperoleh*)

dan *asas* (diperbuat). Makna *cara*, *punca* dan *asas* yang terbit daripada kepelbagaian penggunaan *daripada* kesan hubungan kolokasinya yang berbeza, tetap mengarah kepada fungsi yang sama, iaitu “*menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda*”, bersamaan dengan maksud “*dengan jalan yang sah*” seperti yang dinyatakan dalam *Kamus Dewan* (2016). Makna *cara*, *punca* dan *asas* yang terbit daripada kepelbagaian penggunaan *daripada* juga dapat dianggap sebagai ciri unik yang dapat menyerlahkan sifat produk akhir (hasil) bagi “*sesuatu*” yang boleh *diperdapat*, *diperoleh* atau *diperbuat dengan jalan yang sah*.

Berdasarkan prinsip aura konsisten yang membolehkan sesuatu kata dinilai berdasarkan hubungan kolokasinya dengan kata-kata yang lain, maka dapat dikatakan bahawa makna *daripada* (yang membawa maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda) telah melekap dan berpindah kepada kata *diperdapat*, *diperoleh* dan *diperbuat*, untuk mendukung makna penjelasan sumber. Hal ini dapat dipermudah berdasarkan rajah yang berikut:



Rajah 1 Pindahan makna *daripada* kepada *diperdapat*, *diperoleh* dan *diperbuat*.

Rajah 1 di atas menjelaskan hubungan secara langsung (dalam bentuk kolokasi hampir) antara kata *diperdapat*, *diperoleh* dan *diperbuat* dengan kata *daripada* yang menjelaskan maklumat tambahan bagi makna sumber. Hal ini bermaksud, kata *halal* yang menjelaskan makna 2. *berbentuk kiasan* (yang *diperdapat*, *diperoleh*, *diperbuat*) seperti yang tercatat dalam *Kamus Dewan* (2016, p. 502) boleh diluaskan pendeskripsian maknanya kepada makna 2. *berbentuk kiasan dalam menjelaskan sumber* (yang *diperdapat*, *diperoleh*, *diperbuat*). Penjelasan ini secara tidak langsung dapat menyelesaikan masalah makna yang terhad bagi pendeskripsian kata *halal*. Namun begitu,

maklumat ini masih belum mampu menyelesaikan masalah kekaburan dan ketaksamaan makna dan penggunaannya, yang juga perlu diselesaikan dengan berpandukan data bahasa semula jadi dan pendekatan prosodi semantik.

Untuk menyelesaikan masalah kekaburan dan ketaksamaan makna dan penggunaannya, maka analisis seterusnya perlu bergerak daripada penggunaan kata *halal* itu sendiri dalam pangkalan data (DBP, DBP-UKM dan *WebCorp*). Walau bagaimanapun, dalam kes ini, hanya penggunaan kata *halal* yang membawa maksud penjelasan sumber sahaja akan dijadikan sampel analisis kajian. Maklumat teks yang akan dibina berasaskan maklumat berkenaan makna *halal* tentang penjelasan sumber sahaja. Hasil analisis menemukan sekurang-kurangnya empat submakna bagi menghuraikan maklumat teks bagi makna penjelasan sumber halal, iaitu bahan, aktiviti, rezeki, dan hak/pemilikan.

Submakna 1: Penjelasan Sumber Halal Berkaitan Bahan

Penjelasan sumber halal berkaitan bahan untuk makna 2. *berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat)* seperti yang tercatat dalam *Kamus Dewan* (2016, p. 502) boleh dijelaskan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2 Penjelasan sumber halal berkaitan bahan.

| | | |
|-------|---------|---|
| Bahan | Makanan | <p>10. “Terdapat permintaan tinggi bagi makanan yang sumbernya ***halal*** toyyiban dari pelbagai negara yang mengiktiraf kebersihan makanan itu.. [MJ246]</p> <p>11. ... pula mendapati Malaysia menarik kerana ada banyak makanan sumber ***halal*** dan Islam adalah agama rasmi Malaysia. [MJ306]</p> <p>12. Ayat di atas menyuruh kita memakan sumber makanan yang ***halal*** dan berzat serta ucapkan terima kasih atau bersyukur.. [MJ267]</p> |
| | Minuman | <p>13. Arak minuman tidak *** halal*** walau asalnya dari anggur yang halal [MJ147]</p> <p>14. Sumbernya juga perlu disemak untuk mengesahkan ***halal*** walau ia sekadar minuman. [AN631]</p> <p>15. Minuman yang ***halal *** itu mesti dari sumbernya yang juga ***halal***. [JR99]</p> |

| | | |
|-------|------------------------|---|
| Bahan | Barang kegunaan harian | <p>16. Satu tempoh berhadap ia kepada Tuhannya dan satu tempoh membetulkan ia akan pencarian kehidupannya dan satu tempoh menyanggakan ia akan dirinya pada barang dari sumber yang ***halal*** dan elok. [ANB47]</p> <p>17. ... barang itu selamat daripada kesan sampingan, namun apakah sumber bahannya ***halal*** dari segi hukum syarak dan wajarkah menjadi barangan... [JR224]</p> <p>18. Banyak barangan kegunaan harian di pasaran yang dilabelkan ***halal*** tetapi masih perlu dikaji semula kerana kemusykilan status sumber bahan pembuatannya. [WC45]</p> |
|-------|------------------------|---|

Makna 2. *berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat)* untuk menjelaskan sumber boleh diperincikan dengan lebih khusus untuk merujuk bahan. Contoh data yang ditemui menunjukkan bukti yang jelas berkenaan hubungan kolokasi antara *halal – sumber – bahan* (dengan contoh spesifik) yang dapat mengesahkan pernyataan ini. Misalnya, sumber halal yang merujuk bahan makanan (contoh 10 – 12), minuman (contoh 13 – 15) dan barang kegunaan harian (contoh 16 – 18). Maksudnya, “sesuatu yang halal boleh *diperdapat, diperoleh, dan diperbuat* daripada sumber bahan (seperti makanan, minuman dan barang kegunaan harian)”.

Submakna 2: Penjelasan Sumber Halal Berkaitan Aktiviti

Sama seperti penjelasan sumber halal berkaitan bahan, penjelasan sumber halal berkaitan aktiviti juga dapat diramal pembentukan rumusnya hasil hubungan kolokasi halal – sumber – aktiviti (dengan contoh yang spesifik). Penjelasannya seperti dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 Penjelasan sumber halal berkaitan aktiviti.

| | | |
|----------|------------|---|
| Aktiviti | Perniagaan | <p>19. ...kerajaan Inggeris lebih kurang sama seperti Semenanjung. Di Hong Kong dan di Semenanjung, mudah-mudahan harta orang-orang kaya itu tak pernah terganggu dengan jalan perniagaan yang tidak ***halal*** sumbernya. Berlainan Malayan yang datang dari India dan Ceylon. [MJ28]</p> |
|----------|------------|---|

| | | |
|----------|-----------------------------|--|
| Aktiviti | Perniagaan | <p>20. Berniagalah dengan jalan yang ***halal*** sumbernya bagi memudahkan urusan ... [JR75]</p> <p>21. ... memang perlu keranah dan birokrasi yang bertanggung kerana jalan dengan sumber perniagaan yang ***halal*** bukan mudah urusannya kerana banyak hal perlu diperhitungkan semasa berurusan ... [ANB19]</p> |
| | Pekerjaan | <p>22. ... ruang kepada remaja India untuk mendapatkan kerjaya yang ***halal*** sumbernya, terutama bagi mereka yang tiada kelulusan akademik. [JR320]</p> <p>23. Jika ada kertas itu daripada sumber kerja yang ***halal*** nescaya kubalas akan dia kiranya dan jika ia mengusahakan daripada pihak yang haram, maka lagi akan dibalaskan Allah Taala akan dia dengan azab jua, supaya jangan lagi ... [ANB183]</p> <p>24. ... sumber piawaian kerja serta pembuatan atau penghasilan sesuatu produk ***halal***. [JR283]</p> |
| | Pelaburan | <p>25. ... melabur dengan sumber yang ***halal*** biarpun sedikit tetapi berkat [ANB202]</p> <p>26. Jika sudah tentu ***halal*** sumber pelaburannya, maka senanglah hati orang yang menerima... [ANB37]</p> <p>27. ... mendapat (rezeki) yang ***halal*** dari sumber (pelaburan) yang juga ***halal*** merupakan satu keberuntungan yang tidak terhingga dalam meminggir dan menepis rezeki yang diterima [ANB93]</p> |
| | Pentadbiran / pemerintahan/ | <p>28. ... terlintas di hati berniat kepada perkara yang sangat2 menyalahi daripada tegahan agama dan undang2 negeri sebagai yang disangka2 bahkan persekutuan ini tujuannya yang sangat2 ***halal*** sumber pemerintahannya bagi menunjukkan bagaimana rupa dan gerak gerinya taat setia rakyat kepada pemerintah sama ada kepada pembesar2 dan anak2 bangsawannya yang tidak boleh dikatakan ... [ANB182]</p> |

| | | |
|----------|-----------------------------|---|
| Aktiviti | Pentadbiran / pemerintahan/ | <p>29. ... daripada orang2 Melayu itu adalah dikatakan perbuatan yang zalim dan kurang adil. Yang seyogyanya haruslah kerajaan British yang menaungi negeri Perak menjalankan tadbir yang ***halal*** sumbernya, dan menurut sebagaimana perjanjian yang telah lalu dan janganlah penaungan itu hendak merusakkan kehidupan orang2 Melayu hingga menghilangkan nama negeri, bahasa, bangsa dan... [ANB118]</p> <p>30. ... pemerintahan yang ***halal*** adalah dari sumber yang pemimpinnya menurut syiar dan syariat Islam. [JR213]</p> |
| | Perhubungan | <p>31. ... Abu Zar ra; bahawa ‘melepaskan hubungan syahwat pada sumber yang ***halal*** akan beroleh pahala’. [MJ293]</p> <p>32. ... mengubati rindu dendam pada hubungan yang ***halal*** sumbernya dibolehkan namun perlu ... [JR291]</p> <p>33. Perhubungan yang ***halal*** didasarkan oleh sumbernya yang halal, yang dibolehkan dan dituntut ... [ANB71]</p> |
| | Pengajaran / pembelajaran | <p>34. Jika fi`ilmu ***halal*** adalah sumbernya, maka sudah tentu jalan pengajaran dan pembelajaranmu menyebar luas ilmu Allah amat mudah lagi ringan kerjanya[ANB2]</p> <p>35. ... lebih mulia bagi orang Islam selepas ilmu yang diperoleh secara ***halal***... [MJ245]</p> <p>36. ... mendapat ilmu dengan jalan yang ***halal*** dan kemudian kamu mengajarkannya pula kepada masyarakat akan membawa keberuntungan ... [MJ119]</p> |
| | Pengesahan / pengiktirafan | <p>37. ... anak siapakah gerangan yang tiada diajari oleh bapanya? Tetapi jikalau kamu tiada diajari, padahal semua orang mendapat bahagian itu, maka sahlah kamu anak haram, bukannya anak ***halal***. Dan lagi kita sudah ada bapa darah daging yang mengajar kita ... [ANB77]</p> |

| | | |
|----------|----------------------------|---|
| Aktiviti | Pengesahan / pengiktirafan | <p>38. ... cukup umurnya, dan sempurna akal, yang beragama Islam daripada bangsa Melayu Terengganu, dan rakyat Terengganu, dan daripada darah daging yang merdeka, lagi diakui dengan sah, dan ***halal***, dan baik pengetahuannya, boleh membaca dan menyurat-menulis bahasanya, dan mempunyai tabiat perangai yang baik, dan tingkah laku yang kepujian. Maka jikalau yang dipilih ... [ANB36]</p> <p>39. ... telah anak itu diiktiraf sah ***halal*** nasab keturunannya untuk tujuan memperjelas segala yang dituntut [ANB91]</p> |
|----------|----------------------------|---|

Jadual 3 menunjukkan hubungan kolokasi *halal – sumber – aktiviti*, dengan sekurang-kurangnya terdapat tujuh contoh spesifik aktiviti yang dijalankan seperti perniagaan, pekerjaan, pelaburan, pentadbiran, perhubungan, pengajaran/pembelajaran dan pengesahan/pengiktirafan. Walaupun terdapat lima contoh ayat yang tidak mengandungi hubungan kolokasi *halal – sumber* (contoh 35 – 39), namun maklumat berkenaan sumber masih boleh difahami dengan penggantian kata lain. Misalnya, dalam contoh 35, maklumat berkenaan sumber halal masih boleh difahami melalui frasa *diperoleh secara*. Dalam contoh 36 pula, maklumat berkenaan sumber halal masih boleh difahami melalui penggunaan kata *jalan*.

(penggantian maklumat sumber)

... lebih mulia bagi orang Islam selepas **ilmu** yang **diperoleh secara** ***halal***... [MJ245] (contoh 35)

(penggantian maklumat sumber)

... mendapat **ilmu** dengan **jalan** yang ***halal*** dan kemudian kamu **mengajarkannya** pula kepada masyarakat akan membawa keberuntungan ... [MJ119]

Sehubungan itu, makna 2. *berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat)* seperti yang tercatat dalam *Kamus Dewan* (2016, p. 502) boleh diperjelas sebagai “sesuatu yang halal boleh *diperdapat, diperoleh* dan *diperbuat* daripada sumber aktiviti (seperti perniagaan, pekerjaan, pelaburan, pentadbiran, perhubungan, pengajaran/pembelajaran dan pengesahan/pengiktirafan)”.

Submakna 3: Penjelasan Sumber Halal Berkaitan Rezeki

Analisis berbantu bahan semula jadi yang disandarkan pada pengkaedahan prosodi semantik turut menemukan dapatan berkaitan penjelasan sumber halal tentang rezeki. Dapatan tersebut seperti dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4 Penjelasan sumber halal berkaitan rezeki.

| | | |
|--------|-------------------------|---|
| Rezeki | Pemberian/ Kebajikan | <p>40. ... yang baik di dunia merangkumi pemberian rezeki yang ***halal*** sumbernya, kerehatan, kesenangan dan keperluan yang cukup. [MJ302]</p> <p>41. ... maka adalah alamatnya itu akan mendapat susah dalamnya. Dan lagi jika mimpi daripada malam Selasa, dan akan huruf yang dimimpinya <i>hā</i>, maka adalah alamatnya akan beroleh sumber rezeki ***halal*** dan banyak lagi sejahtera atasnya dari dunia datang ke akhirat. [ANB38]</p> <p>42. ... alamatnya itu akan beroleh laba atasnya. Dan lagi jika mimpi daripada malam Arba', akan hurufnya itu <i>nyā</i>, maka adalah akan alamatnya itu akan beroleh rezeki yang banyak lagi pun ***halal*** sumbernya dan dengan mudahnya dengan selamatnya akan dia daripadanya. [ANB40]</p> |
| | Pendapatan / wang | <p>43. ... ambillah wang ini, tidaklah ia datang dari yang haram melainkan yang ***halal*** belaka sumbernya. [NV147]</p> <p>44. ... pendapatan ini rezeki keluargaku, ***halal*** sumbernya, kuberikan untukmu wahai isteriku ... [NV314]</p> <p>45. ... dari sumber yang ***halal*** duit ini bagi kamu anak beranakku. [NV123]</p> |
| | Pekerjaan | <p>46. ... jangan kamu beri tempat kepada Iblis. Biarlah orang yang sudah mencuri itu jangan mencuri lagi, melainkan terlebih baik ia berlelah dengan tangannya mengerjakan usaha yang ***halal*** sumbernya, supaya boleh ia membahagi apa-apa kepada orang yang berkekurangan. Jangan mengeluarkan perkataan yang busuk daripada mulutmu, melainkan barang apa yang baik akan meneguhkan ...[ANB206]</p> |

| | | |
|--------|----------------|---|
| Rezeki | Pekerjaan | <p>47. ... yang mukmin. Satu tempoh berhadap ia kepada Tuhannya dan satu tempoh membetulkan ia akan penghasilan rezeki kehidupan yang halal sumbernya... [ANB321]</p> <p>48. dan berkata dalam doanya: Hai, Tuhanku, bahawa nyatalah hal aku padamu, maka nazarlah adamu ajarkan kiranya pada aku suatu pekerjaan supaya aku beroleh mencari kerja yang halal sumbernya, dengan perbuatan itu. Maka diperkenankan Hak Subhanahu wa Ta'ala doanya itu dan diajarkannya pekerjaan besi padanya seperti Allah Ta'ala memberi khabar dalam Qur'an: Qal' [ANB97]</p> |
| | Harta kekayaan | <p>49. ... dan pada ketika maut ada hasrat juga dan penyesal padanya hingga sukar juga ia memberi nyawanya dan meninggalkan hartanya kepada orang yang lain. Bermula jika harta itu halal sekalipun sumbernya, bila juga padanya selama hidupnya dan hasrat dan penyesal pada ketika mautnya dan kira-kira dalam akhiratnya. Bermula jika harta itu haram, ada cinta juga ...[ANB201]</p> <p>50. Dan jika bergerak lehernya semuanya, alamat kebajikan datang akan dia. Dan jika bergerak bahunya kanan, alamat beroleh sumber harta yang halal padanya. Dan jika bergerak bahunya kiri, alamat beroleh ilmu padanya. [ANB193]</p> <p>51. ... dan lepas daripada segala bahaya dan dukacita adanya. Jika bermimpi digantung orang, `alamat lepas daripada hutangnya adanya. Jika bermimpi makan nasi, `alamat beroleh harta yang halal adanya. [ANB6]</p> |

Jadual 4 menunjukkan bahawa, sumber halal juga boleh diandalkan kepada rezeki yang didatangkan dalam pelbagai bentuk seperti pemberian, pendapatan, pekerjaan dan harta kekayaan. Masih seperti rumus dalam penjelasan sumber halal berkaitan bahan dan aktiviti, penjelasan sumber halal berkaitan rezeki juga menunjukkan hubungan kolokasi antara halal – sumber – rezeki. Contoh-contoh yang ditemui juga menunjukkan terdapat

penggunaan *halal* untuk merujuk penjelasan sumber yang tidak berkolokasi dengan kata *sumber*. Walau bagaimanapun, kata maklumat tersebut mampu difahami dengan penggantian kata lain (kata *sumber* digantikan dengan kata *beroleh* – contoh 51). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa, makna 2. *berbentuk kiasan* (yang *diperdapat, diperoleh, diperbuat*) seperti yang tercatat dalam *Kamus Dewan* (2016 p. 502) boleh diperjelas sebagai “sesuatu yang *halal* boleh *diperdapat, diperoleh* dan *diperbuat* daripada sumber rezeki (seperti pemberian, pendapatan, pekerjaan dan harta kekayaan)”.

Submakna 4: Penjelasan Sumber Halal Berkaitan Hak/Pemilikan

Penjelasan sumber *halal* berkaitan bahan untuk makna 2. *berbentuk kiasan* (yang *diperdapat, diperoleh, diperbuat*) seperti yang tercatat dalam *Kamus Dewan* (2016, p. 502) boleh diperjelas dengan merujuk submakna hak/pemilikan. Yang berikut disertakan Jadual 5 yang dapat memperincikan maklumat tersebut.

Jadual 5 Penjelasan sumber *halal* berkaitan hak/pemilikan.

| | |
|-------------------|--|
| Hak/ Pemilikan | <p>52. ... pihak, dari sebuah negeri ke sebuah negeri, dari suatu masa ke suatu masa yang mustahaq disampaikan mana2 yang layak dan patut bagi kebajikan khas dan am menurut sumber hak2 yang ***halal***, . 3. Menjadi pengasuh kepada kaumnya di dalam apa jua perkara yang boleh membawakan kepada kebersihan kesucian kemajuan, keselamatan dan kesatuan atau lain2 seumpama di dalam ... [ANB1]</p> <p>53. ... istimewa pula bagi memimpin dan mengatur pergerakan di atas ikhtiar dan usaha kaumnya pada menuntut dan memelihara hak-hak bangsa dan negerinya mengikut jalan dan bersumberkan hak-hak yang ***halal***, yakni yang diredhai oleh kerajaan itu. Oleh yang demikian, jika sekiranya berbetulan apa-apa yang kita sangka ini, maka kira-kiranya tiadalah akan upaya anak-anak Melayu itu ... [ANB218]</p> <p>54. ... kepada orangnya akan tetapi memandang dan menghendaki kepada jasa2 perusahaan dan perhatiannya bagi membela dan menentukan jalan keringanan dan kesentosaan kaum yang layak dan ***halal*** sumbernya, berkenaan dengan hak2 kekuasaan dan kewajipan majlis bandaran yang tersebut, dengan kefasihan lidah dan ketajaman fikiran atau umumnya menunjukkan al-insan2 yang patut dan ... [ANB27]</p> |
|-------------------|--|

Jadual 5 di atas menyenaraikan tiga (3) contoh ayat yang menggambarkan hubungan kolokasi *halal – sumber – hak/pemilikan* untuk menjelaskan maksud “sesuatu yang halal boleh *diperdapat, diperoleh* dan *diperbuat* daripada sumber hak/pemilikan”. Rumus ini dapat diperhatikan dengan bukti leksikal yang jelas digunakan untuk menambah maklumat berkenaan sumber halal yang diperkatakan menerusi kata *hak* (contoh 52 dan 53) serta kata layak (contoh 54).

Rumusan

Sebagai rumusan, maka dapat dikatakan bahawa makna 2. *berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat)* seperti yang tercatat dalam *Kamus Dewan* (2016, p. 502) yang dianggap terhad, kabur dan boleh menimbulkan unsur taksa, boleh diperjelas maklumat teksnya seperti yang berikut:

Jadual 6 Maklumat teks bersandarkan bahan semula jadi (*naturally occurring data*).

| Deskripsi Kamus | Peluasan Maklumat | Info tambahan | <i>Consistent Aura</i> (Prosodi Semantik) | Contoh Bersumber Bahasa Semula Jadi (<i>naturally occurring data</i>) |
|--|---|---|---|--|
| 2. <i>berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat) dengan jalan yang sah</i> | 2. <i>berbentuk kiasan dalam menjelaskan sumber (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat) dengan jalan yang sah</i> | <i>sumber – untuk menyatakan maklumat maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda – berdasarkan situasi berbeza – punca, cara, asas (daripada)</i> | sumber – halal – bahan (daripada – asas) | ... barang itu selamat daripada kesan sampingan, namun apakah sumber bahannya ***halal*** dari segi hukum syarak dan wajarkah menjadi barangan ... [JR224] |

| Deskripsi Kamus | Peluasan Maklumat | Info tambahan | <i>Consistent Aura (Prosodi Semantik)</i> | Contoh Bersumber Bahasa Semua Jadi (<i>naturally occurring data</i>) |
|--|--|---|--|--|
| <p>2. berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat) dengan jalan yang sah</p> | <p>2. berbentuk kiasan dalam menjelaskan sumber (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat) dengan jalan yang sah</p> | <p><i>sumber – untuk menyatakan maklumat menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda – berdasarkan situasi berbeza – punca, cara, asas (daripada)</i></p> | <p>sumber – halal – aktiviti (daripada – cara)</p> | <p>...pemerintahan yang ***halal*** adalah dari sumber yang pemimpinnya menurut syiar dan syariat Islam. [JR213]</p> |
| | | | <p>sumber – halal – rezeki (daripada – punca)</p> | <p>...yang mukmin. Satu tempoh berhadap ia kepada Tuhannya dan satu tempoh membetulkan ia akan pencairan rezeki kehidupan yang ***halal*** sumbernya... [ANB321]</p> |
| | | | <p>sumber – halal – hak / pemilikan (daripada – punca)</p> | <p>...pihak, dari sebuah negeri ke sebuah negeri, dari suatu masa ke suatu masa yang mustahaq disampaikan mana2 yang layak dan patut bagi kebajikan khas dan am menurut sumber hak2 yang ***halal***. . 3. Menjadi pengasuh kepada kaumnya di dalam apa jua perkara yang boleh membawakan kepada kebersihan kesucian kemajuan, keselamatan dan kesatuan atau lain2 seumpama di dalam ... [ANB1]</p> |

KESIMPULAN

Kecenderungan penutur menggunakan sesuatu kata dalam pertuturan hariannya dapat menyerlahkan bukti bahawa setiap kata yang menunjangi sesuatu bahasa pastinya didasari oleh makna dan nilai yang dapat menyerlahkan ekspresi budaya sesuatu bangsa. Keadaan ini sekali gus dapat membuktikan bahawa terdapat jalinan yang tersurat dan tersirat antara realiti penggunaan bahasa dengan realiti sosial masyarakat (Crystal, 1987; Wardhaugh, 2002; Holmes, 2008). Bahasa semua jadi (*naturally occurring data*) yang digunakan dalam analisis ini misalnya telah berjaya mengungkapkan persoalan kata yang dianggap terhad pendeskripsian maknanya, kabur serta boleh mendatangkan unsur taksa. Hasil analisis telah berjaya menjelaskan bahawa penggunaan makna 2. *berbentuk kiasan (yang diperdapat, diperoleh, diperbuat)* boleh diperluas maknanya sejajar dengan perkembangan penggunaan kata halal yang meluas digunakan dalam pelbagai lapangan. Perincian ini bolehlah dianggap berpada dalam menjelaskan analisis bahasa dalam dunia linguistik sebenar sebagai suatu kaedah memerhati fenomena kepenggunaan bahasa yang digembleng oleh suatu proses/praktis sosial dalam sesebuah masyarakat.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan geran CoE dengan kod s/o 13752 Universiti Utara Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Dahlan. (1997). *Ensiklopedia hukum Islam*, Jil. 2. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Abdul Basit Samat@Darawi, & Sahilah Mohd Rodzi. (2010). *Persepsi pelajar fakulti pendidikan terhadap makanan berlogo halal*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. <http://eprints.utm.my/10689/>
- Abdul Raufu Ambali & Ahmad Naqiyuddin Bakar. (2013). Halāl food and products in Malaysia: people's awareness and policy implications. *Journal of Intellectual Discourse*, 21(1), 7-32.
- Aiedah Abdul Khalek, & Sharifah Hayaati Syed Ismail. (2015). A conceptual framework on the factors influencing halal consumption: An exploratory study among muslim consumers in Malaysia. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 2(3), 1-12.
- Ainon Mohd., & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan teknik terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Pub.

- Ali Akhbar Zeinali, & Rokiah Awang. (2009). Translation procedures of English medical terms into Persian. In Hasuria Che Omar, Haslina Haroon, & Aniswal Abd. Ghani (Eds.), *The sustainability of the translation field*, (pp. 347–361). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Alina Abdul Rahim, & Siti Mashitoh Abdul. (2014). The uncertain halal status of edible products with natural or added alcohol. *Journal of Fatwa Management and Research*, 3, 109-126.
- Anis Najiha, & Wan Nadiah. (2014). Alkohol (arak dan etanol) dalam makanan halal. *Jurnal Intelek*, 9 (1), 40-51.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmak Ab Rahman. (2009). Sekuriti makanan dari perspektif syariah. *Jurnal Syariah*, 17(2), 299-326.
- Azizan Ramli, Mazlin Mokhtar, Tuan Sidek Tuan Muda, & Badhrulhisham Abdul Aziz. (2016). Halal Industry Development: The Concept of Halalan-Toyyiban and Industrial Safety Management within the Framework of Maqasid al-Sharia. *Umm Islamiyyah Journal USIM*, 18, 91-114.
- Baker, P. (2009). *Contemporary corpus linguistics*. London: Continuum International Publishing Group.
- Clark, U. (2013). *Language and identity in Englishes*. New York: Routledge.
- Cronin, M. (1998). The cracked looking glass of servants: Translation and minority languages in a global age. *The Translator*, 4 (2), 145–162.
- Crystal, D. (1987). *Cambridge Encyclopedic of Language*. Cambridge: Cambridge University Press
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2009). *Pangkalan data korpus*. www.dbp.gov.my/laman [16 Mac 2009]
- Goddard, C. (2014). Jesus! Vs Christ! in Australian English: Semantics, secondary interjections and corpus analysis. In J. Romero-Trillo (Ed.), *Yearbook of corpus linguistics and pragmatics 2014: New empirical and theoretical paradigms*, (pp. 55-78). London: Springer.
- Golnaz, Zainalabidin, Mad Nasir, Eddie Chiew. (2010). Non-Muslims' awareness of Halal principles and related food products in Malaysia. *International Food Research Journal*, 17(3), 667-674.
- Halim Ahmad. (2001). Penyebelihan dan pemburuan: Antara tuntutan syara' dan sains. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 14, 89 – 98.
- Hashim Haji Musa. (2006). *Pengantar falsafah bahasa* (ed. ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holmes, J. (2008). *An introduction to sociolinguistics* (3rd ed.). London: Pearson Longman.
- Hunston, S. (2002). *Corpora in applied linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Ibarretxe-Antunano, I. (2008). Vision metaphors for the intellect: Are they really cross- linguistic? *Journal of Association of Anglo-American Studies (ATLANTIS)*, 30 (1), 15-33.
- Idris Mansor. (2015). Prosedur peminjaman dan elemen sosiobudaya dalam terjemahan Rihlat Ibn Battutah. *Kajian Malaysia*, 33 (2), 61–81.
- Jakobson, R. (2004). On linguistic aspects of translation. In L. Venuti (Ed.), *The translation studies reader*, (pp. 138–143). New York & London: Routledge.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasmarini Baharudin, Norliya Ahmad Kassim, Siti Khairiyah Nordin, & Siti Zahrah Buyong. (2015). Understanding the Halal Concept and the Importance of Information on Halal Food Business Needed by Potential Malaysian Entrepreneurs. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 5(2), 170-180.
- Kennedy, G. (1998). *An introduction to corpus linguistics*. London: Longman.
- Kubler, S., & Zinsmeister, H. (2015). *Coprus linguistics and linguistically annotated corpora*. London: Blommsburry Pub.
- Lazaraton, A. (2002). *A quantitative approach to the validation of oral language tests*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Leech, G. (1997). Introducing corpus annotation. Dlm. R. Garside, G. Leech & T. McEnery, *Corpus annotation: linguistics information from computer text corpora*, hlm. 1 – 18. London: Longman.
- Leech, G. (2011). Frequency, corpora and language learning. In S. De Cock, G. Gilquin, & M. Paquot (Eds.), *A taste for corpora: In honour of Sylviane Granger*, (pp. 7-32). Amsterdam: John Benjamins Pub.
- Louw, B. (1993). Irony in the text or insincerity in the writer? The diagnostic potential of semantic prosodies. Dlm. M. Baker, G. Francis & E. Tognini Bonelli (Eds.), *Text and technology: in honour of John Sinclair*; hlm. 157-175. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.
- Md Hamzaimi Azrol Md Baharudin, Nasrul Hisyam Nor Muhamad, & Mohd Azman Mohsin. (2015). Pengurusan hotel halal mengikut perspektif Islam dan masyarakat. *Jurnal Sains Humanika*, 5(3), 57-64.
- Mohani Abdul. (2014). Perceptions on halal food certification in Hat Yai, Thailand. *International Journal of Economics and Management*, 8(1), 178-194.
- Mohd. Daud Awang, & Norsazali Abdullah. (2015). Penggunaan kontrak bayu al-inah dalam pembiayaan peribadi secara Islam di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Muamalat*, 8, 167-184.
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nurdeng Deuraseh, Shuhaimi Mustafa, Suhaimi Ab. Rahman, & Irwan Mohd Subri. (2015). Penggunaan tanduk rusa velvet dalam perubahan: isu fatwa dan cadangan penyelesaian. *International Journal of Social Policy and Society*, 11, 67-82.
- Mohd Yusrin Mohamed Yusof. (2010). “Hub halal: Kajian terhadap industri makanan halal di Malaysia”. Tesis Ijazah Sarjana Sains Pengurusan. Universiti Utara Malaysia.

- Muchtar Ali. (2016). Konsep makanan halal dalam tinjauan syariah dan tanggung jawab produk atas produsen industri halal. *Ahkam*, XVI (2), 291 – 306.
- Musfirah Syahida Mohamad, Saadan Man, & Mohd Anuar Ramli. (2015). Keselamatan makanan menurut perspektif Islam: kajian terhadap pengambilan makanan berisiko. *Jurnal Fiqh*, Vol. 12, 1-28.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2014). *Tatabahasa dewan* (Edisi Ketiga). Kuala Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuraqilah Omar. (2017). *Kefahaman pengguna terhadap pensijilan halal pada makanan segera*. Tesis yang tidak diterbitkan. Universiti Malaysia Sabah.
- Nur Haslizatul Liza Ahmad. (2011). *Intention to purchase halal products among consumers*. Tesis yang dikemukakan untuk Ijazah Sarjana Sains Pengurusan, Universiti Utara Malaysia.
- Nur Riza Mohd Suradi. (2015). Tanggapan dan faktor penentu pemilihan makanan halal dalam kalangan ibu bapa muslim. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 11(1), 75-88.
- Nygaard, L. C., Herold, D. S., & Namy, L. L. (2008). The semantics of prosody: a acoustic and perceptual evidence of prosodic correlates to word meaning. *Cognitive Science*, 33, 127-146.
- O'keefee, A., Clancy, B., & Adolphs, S. (2011). *Introducing pragmatics in use*. London: Routledge.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP. (2012). e-penyelidikan. <http://prpm.dbp.gov.my/> [1 April 2012]
- Rohman, Arsanti, Erwanto, & Pranoto. (2016). The use of vibrational spectroscopy and chemometrics in the analysis of pig derivatives for halal authentication. *International Food Research Journal*, 23(5), 1839-1848.
- Rosninawati Hussin. (2016). Practising *halal* among modern malay muslim Women (MMW). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, vol. 9, 63-75.
- Sahilah, Laila Liyana, Aravindran, Aminah, & Mohd Khan. (2016). Halal authentication in Malaysia context: Potential adulteration of non- Halal ingredients in meatballs and surimi products. *International Food Research Journal*, 23(5), 1832-1838.
- Sai, Y. (2014). Policy, practice and perceptions of Qingzhen (halal) in China. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 1(2), 1-12.
- Salma Mat Yasim. (2011). *Makanan halal: Kepentingannya menurut perspektif Islam*. Tesis yang dikemukakan untuk Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Shafiq, Haque & Omar. (2015). Multiple halal logos and Malays' beliefs: A case of mixed signals. *International Food Research Journal*, 22(4), 1727-1735.
- Shaizatulqama Kamalul Ariffin, & Khairul Anuar Mohammad Shah. (2016). Muslim consumers' attitudes toward the advertisement of non-certified coffee shops. *Jurnal Pengurusan*, 48, 111-123.

- Sian Preece (Ed.). (2016). *The routledge handbook of language and identity*. London: Routledge.
- Sinclair, J. (1996). The search for units of meaning. *Textus*, (9), 75 – 106.
- Siti Norlina Bt Muhamad, Zamzarina Bt. Che Mat @ Mohd Shukor, Maznah Bt. Ali, Zulkifli Haron, Mohd Nasir Bin Ripin, Kamarul Azmi B. Jasni, & Ahmad Kilani Mohamed. (2005). *Kecenderungan ibubapa muslim terhadap pemakanan halal: Kajian di Skudai, Johor Bahru, Johor*. Kajian FRGS [VOTE NO: 75170], Universiti Teknologi Malaysia.
- Stewart, D. (2010). *Semantic prosody: a critical evaluation*. New York: Routledge Pub.
- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tieman, M. (2013). Establishing The Principles In Halal Logistics *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 1(1), 1-13.
- Wan Melissa Wan Hassan, & Khairil Wahidin Awang. (2009). Halal food in New Zealand restaurants: An exploratory study. *International Journal of Economics and Management*, 3(2), 385-402.
- Wan Mohammad Abdul Aziz. 2010. *Halal: Antara tuntutan agama dan strategi ekonomi*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. www.islam.gov.my [8 April 2012]
- Wardhaugh, R. (2002). *An introduction to sociolinguistics* (4th ed.). Massachusetts: Blackwell Publisher.
- Wizarah al-Awqaf wa Shu' un al-Islamiyyah. (1990). *Al-Mausu' ah al-Fiqhiyyah*, Jil.18. Kuwait: Thaba' ah Zat al-Salasil.
- Yusuf Qardawi. (2002). *Al halal wa al haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Zainalabidin Mohamed, Rezai, Golnaz, Mad Nasir Shamsudin, & Eddie Chiew. (2008). Halal logo and consumers' confidence: what are the important factors? *Economic and Technology Management Review Journal*, 3, 37- 45.
- Zawanah Muhammad, Munir bin Haji Md. Salleh, & Abdul Muhaimin Mahmood. (2008). Halal: Antara tuntutan agama dan strategi ekonomi. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 21, 33-58.
- Zhang, G. Q. (2015). *Elastic language: How and why we stretch our words*. Cambridge: Cambridge Univesity Press.

Diperoleh (*received*): 16 Mac 2018

Diterima (*accepted*): 04 Mei 2018